

**SRI BUMI MARMAR**

**ASAS KEUSAHAWANAN  
ETR 300**

**DISEDIAKAN UNTUK:**

**PUAN ZAITON SHARIFF  
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN MELAKA**

**DISEDIAKAN OLEH:**

ARZURHAM MOHD ARIH	94508328
NOR GHAZAZUDDIN OSMAN	94561177
AHMAD HAZLAN ALIAS	94420000
TIA ISKANDAR ABDULLAH	94552698
FAREED FIRDAUS ARUND	94545376
SYED MOHD HAFEZ AL-IDRUS	94682412

**DIPLOMA PERAKAUNAN SEMESTER 05  
SESI JULAI DISEMBER 1996**

**TARIKH : 23 OKTOBER 1996**

## PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Arzurham Mohd Arik  
Nor Ghazazuddin Osman  
Ahmad Hazlan Alias  
Tia Iskandar Abdullah  
Fareed Firdaus Arund  
Syed Mohd Hafez Al-Idrus  
Diploma Perakaunan  
Institut Teknologi MARA  
Cawangan Melaka  
KM 26 Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah  
Melaka

Tarikh: 23 Oktober 1996

Puan Zaiton Shariff  
Pensyarah Asas Keusahawanan  
Institut Teknologi MARA  
Cawangan Melaka  
KM26 Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah  
Melaka

## PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN BAGI SESI JULAI 1996

Merujuk kepada perkara di atas, di sini kami menyerahkan Laporan Rancangan Perniagaan kami kepada Puan. Projek perniagaan yang kami jalankan adalah merupakan kilang pembuatan kepingan lantai berasaskan batu marmar dan membekalkan kepingan-kepingan tersebut yang telah siap diproses bagi para pelanggan di sekitar negeri Perak dan negeri-negeri lain. Nama syarikat kami adalah :

Sri Bumi Marmar Enterprise  
Lot 018374 Kawasan Perindustrian Kemunting,  
34600 Kemunting,  
Perak Darul Ridzuan

Syarikat kami ini ditubuhkan pada dasarnya adalah untuk menerima tempahan dari syarikat-syarikat kontraktor pembinaan yang berkontrak dengan kami dan juga syarikat-syarikat yang memerlukan bahan tersebut. Dengan tertubuhnya syarikat ini maka dapatlah sedikit sebanyak membantu dan memajukan kaum bumiputera yang jarang menceburji perusahaan

ini serta merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang berproduktif kearah perindustrian yang pesat khususnya dalam sektor pembinaan.

Penyediaan projek ini adalah hasil usahasama daripada enam orang pelajar daripada kursus Diploma Perakaunan Semester 05, ITM Cawangan Melaka. Dengan siapnya Rancangan Perniagaan ini, maka kami telah menyempurnakan sebahagian daripada kerja kertas Asas Keusahawanan (ETR 300) yang mana merupakan mata pelajaran prasyarat dalam hasrat untuk memperolehi Diploma Perakaunan.


Rancangan Perniagaan ini merangkumi segala aspek dalam membuka sebuah perniagaan dimana ia merangkumi segala aspek pemasaran, operasi , kewangan, dan juga pengeluaran.

Kami amat menghargai segala bentuk bantuan yang telah diberikan oleh pelbagai pihak dari segi kerjasama dan maklumat-maklumat yang diperolehi dalam menyiapkan Rancangan Perniagaan ini.

Akhir sekali adalah diharapkan Rancangan Perniagaan ini akan dapat digunakan bagi sumber penyelidikan untuk menerokai perniganan yang serupa dengannya.

Yang benar

.....  
(ARZURHAM MOHD ARIH)  
94508328

.....  
  
(NOR GHAZAZUDDIN OSMAN)  
94561177

.....  
(AHMAD HAZLAN ALIAS)  
94420000

## SINOPSIS

Lantai yang diperbuat daripada batu marmar merupakan sudah menjadi satu kemestian bagi setiap bangunan-bangunan pencakar langit, unit-unit perumahan, bangunan bangunan perniagaan ,dewan-dewan dan lain-lain. Keunikan dan keindahannya merupakan daya penarik utama mengapa ia amat diminati oleh orang ramai.

Pada era ini, revolusi sektor pembinaan sedang pesat membangun di Malaysia di mana banyak projek-projek pembangunan dirancang dan dilaksanakan umpama cendawan tumbuh selepas hujan . Revolusi ini dijangka akan berterusan sehingga tahun 2020 iaitu tahun ramalan berlakunya kemuncak ekonomi Malaysia di dunia.

Bertitik tolak dari punca tersebut kami berinisiatif untuk mengambil peluang keemasan ini untuk memajukan perusahaan pembuatan blok-blok batu marmar untuk lantai yang amat berpotensi pada masa akan datang. Berbekalkan modal sebanyak RM377 000 , kami telah merancang menubuhkan sebuah syarikat perkongsian yang dinamakan SRI BUMI MARMAR ENTERPRISE.

Syarikat ini adalah bertujuan untuk membekalkan blok-blok batu marmar untuk lantai yang berkualiti tinggi kepada para pelanggan. Syarikat ini akan beroperasi di Lot 018374 Kawasan Perindustrian Kemunting, 34600 Kemunting , Perak Darul Ridzuan.

Kami harap dengan segala keupayaan yang ada pada kami, syarikat ini dapat dimajukan dan berkembang serta berkemampuan untuk menjadi sebuah syarikat gergasi yang disegani di negara ini pada masa akan datang.Semoga apa yang diimpikan akan menjadi satu kenyataan . InsyaAllah.

## PENGENALAN

Secara amnya batu marmar merupakan komposisi kalsium karbonat yang terdiri daripada satu rangkaian kimia yang kukuh dan padat. Salah satu kelebihannya ialah kemampuan menyerap setiap tekanan tanpa memusnahkan struktur asalnya. Oleh itu batu marmar ini amat sesuai untuk digunakan dalam sektor pembinaan seperti pembuatan lantai dan dinding . Di samping itu batu marmar ini juga mempunyai kecantikan dan keunikan yang tersendiri setelah diproses di mana kelebihan ini jarang ditemui di muka bumi ini.Maka ini telah meningkatkan lagi permintaan batu marmar ini di pasaran. Tambahan pula sumber yang sedia ada amat terhad.

Di Malaysia terdapat beberapa perusahaan batu marmar yang beroperasi di beberapa buah negeri seperti di negeri Perak, Kedah dan Pahang. Perusahaan ini amat berpotensi di negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia, Thailand, Filipina dan Vietnam.Seperti di Malaysia, pihak kerajaan didalam pembentangan Rancangan Malaysia Ke Tujuh (RMK7) telah merancang untuk meningkatkan lagi unit-unit perumahan dan pembinaan pencakar -pencakar langit dan ini akan dijangka akan berterusan sehingga tahun 2020.

Berdasarkan kepada faktor inilah maka kami telah mengambil inisiatif menceburkan diri didalam perusahaan marmar ini kerana ia mempunyai potensi yang amat besar untuk mengaut keuntungan yang berlipat ganda pada masa akan datang.